

**SOALAN NO. 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula perundungan yang sedia ada bagi memperluaskan perlindungan kepada golongan wanita daripada gangguan seksual di luar tempat kerja atau tempat awam seperti LRT, bas dan sebagainya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin menjelaskan bahawa Malaysia merupakan negara ahli kepada Konvenyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Sehubungan itu, usaha Kementerian adalah untuk memastikan sebarang diskriminasi terhadap wanita dapat dihapuskan termasuk agenda membendung gangguan seksual ke atas wanita.

Kementerian telah memulakan usaha untuk mewujudkan Akta Gangguan Seksual sejak tahun 2011 bagi menangani kes-kes gangguan seksual sama ada di tempat awam seperti LRT, bas dan sebagainya mahupun di tempat kerja. Satu memorandum jemaah menteri telah dibentangkan pada 4 November 2011 berkaitan cadangan mewujudkan Akta Gangguan Seksual, tetapi Kerajaan berpandangan bahawa cadangan ini wajar dikaji semula memandangkan peruntukan perundangan di dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) adalah memadai untuk mengendalikan isu gangguan seksual.

Susulan daripada pembentangan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan, beberapa siri mesyuarat meja bulat dan bengkel bagi meneliti semula keperluan mewujudkan Akta Gangguan Seksual telah diadakan yang telah melibatkan pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, sektor swasta, badan bukan Kerajaan, persatuan-persatuan serta ahli akademik.

Terkini, Kementerian akan bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan satu kajian komprehensif bagi melihat senario gangguan seksual di Malaysia dan kadar keseriusan dan keperluan Akta Gangguan Seksual ini diwujudkan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam melindungi masyarakat dalam sebarang bentuk keganasan.